

18/01/1997

Syarikat asing bantu majukan industri multimedia

PETALING JAYA, Jumaat - Kemasukan syarikat multimedia gergasi dunia ke dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan bertujuan menenggelamkan pembabitan firma tempatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berkata kehadiran syarikat berkenaan akan membantu memajukan industri multimedia negara selaras usaha ke arah mencapai taraf industrialisasi sepenuhnya menjelang 2020.

Beliau berkata, kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengambil kira perkara berkenaan dalam mewujudkan MSC, serta sensitif dengan keperluan usahawan tempatan.

(END)